

Jambatan runtuh akibat banjir

Kira-kira 2,000 penduduk Orang Asli membabitkan 30 kampung terputus hubungan

ALAUDIN MA

GUA MUSANG - Seramai 2,000 penduduk Orang Asli di 30 kampung sekitar Pos Balar dan Hau dekat sini, terputus hubungan apabila jambatan kayu balak yang menjadi perhubungan penting mereka runtuh, petang semalam.

Kejadian jambatan kayu balak yang runtuh kira-kira jam 4 petang itu berhampiran Kampung Lambok, Kuala Betis mengakibatkan penduduk sekitar Pos Balar, Hau, Dakoh, Belatin, Cherok, dan Sampadek berdepan pelbagai kesulitan.

Berikutan kejadian itu juga seramai 20 guru Sekolah Kebangsaan Balar, termasuk guru besarnya yang dalam perjalanan berkonvoi motosikal dan lima kenderaan terkandas di situ sebaik menyedari jambatan kayu balak berkenaan runtuh sebaik mereka sampai di situ.

Selain jambatan, beberapa kejadian bukit runtuh yang hampir menutup laluan jalan ke pos terbabit juga berlaku di sepanjang jalan itu hingga menghalang sebarang kenderaan melaluinya akibat daripada hujan lebat berterusan sejak seminggu lalu.

Guru Besar SK Balar, Zakaria



Keadaan jambatan kayu balak runtuh petang, semalam.

Mustapha berkata, beliau pertama kali menunggang motosikal bersama guru lain untuk memulakan tugas di sekolah itu sesi buka sekolah esok, tetapi berdepan dengan kejadian jambatan runtuh.

Beliau berkata, berikutan kejadian itu, beliau bersama 19 lagi guru dan 16 murid anak Orang Asli yang dalam perjalanan ke sekolah berkenaan terpaksa berpatah balik untuk ber-

malam di bandar ini.

Katanya, beliau yang mula lapor diri untuk bertugas di sekolah tersebut November tahun lalu dan ketika itu menaiki kenderaan pacuan empat roda walaupun berdepan dengan kejadian jalan rosak teruk.

Menurutnya, beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Gua Musang dan terpaksa menunggu

pembaikan jambatan itu untuk meneruskan semula perjalanannya nanti.

"Kami juga terkejut melihat kejadian jambatan kayu balak itu runtuh secara tiba-tiba, tetapi bernasib baik tidak kebetulan rombongan kami berada di atas jambatan terbabit jika tidak tak tahulah apa yang terjadi.

"Apapun kami semua bersyukur

kerana terselamat daripada bahaya walaupun terkandas di situ sebelum berpatah balik ke bandar ini untuk berehat sementara menunggu keputusan terbaru dari jabatan," katanya.

Seorang penduduk Orang Asli, Along Uda, 38, berkata, kejadian jambatan kayu balak yang runtuh itu pertama kali berlaku di jalan berkenaan dan selama ini hanya berlaku kerosakan jalan sahaja.

Katanya, memang jalan ke 30 kampung pendalaman itu berdepan dengan risiko kerana bukan sahaja jambatan yang runtuh, sebaliknya banyak tempat lagi berlaku bukit runtuh yang menimbulkan jalan.

"Kami tidak tahu kejadian jambatan runtuh itu dan jika lebih awal mengetahui perkara itu sudah tentu membatalkan perjalanan untuk ke bandar ini kerana berdepan dengan banyak risiko.

"Kampung kami jauh dari bandar dan kerap menggunakan jalan itu dengan menunggang motosikal bagi memberi barang keperluan, tetapi kali ini terpaksa memikirkan mengenai masalah yang dihadapinya di samping meminta kerajaan membina jambatan konkrit," katanya.